

LANG GARANG
Besra

FAMILL: Accipitridae
NAMA SAINTIFIK: Accipiter virgatus



CIRI-CIRI

Kedua-dua jantina mempunyai bahagian atas badan berwarna gelap dengan garis-garis gelap yang jelas kelihatan pada bahagian bawah leher. Bagi burung jantan, bahagian kepala berwarna hitam dengan garis gelap di bahagian atas kepala. Bahagian bawah badan pula mempunyai garis-garis corak yang tersusun secara mendatar dan berwarna merah kecoklatan. Bagi betina pula, terdapat sedikit perbezaan iaitu bahagian atas badan berwarna coklat gelap dan bahagian bawah badan berwarna coklat muda dengan garis-garis seperti yang terdapat pada jantan, terhad hingga pada paras dada sahaja.

SAIZ

Purata panjang badan adalah di antara 26-32 sm.

MAKANAN

lanya gemar memburu burung-burung lain di dalam kawasan hutan dan jarang dilihat berlegar-legar di udara seperti burung-burung helang yang lain.

HABITAT

Burung dari spesies ini boleh dijumpai di hutan dipterokap ke hutan bukit hingga ketinggian 2,000 m.

BUNYI

la mengeluarkan bunyi kuat seperti merengek *ki-weeer* dan *tchew-tchew-tchew* yang cepat.

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah di antara bulan April-Mei setiap tahun dengan burung betina mampu menghasilkan 2-5 biji bagi setiap eraman di dalam sarang yang dibina sendiri atau sarang yang telah ditinggalkan oleh burung lain di atas pokok setinggi 15-25 m dari paras tanah.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.
CITES, Appendiks 2.